

SPMU 2019

26 Jun 2019 (Rabu)
8.00 hingga 11.00 pg

SEJARAH

Kertas 3

Tiga jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Berdasarkan tajuk yang telah diberi calon dikehendaki melaksanakan tugas berikut :

- I. *Membuat rujukan untuk mengumpul maklumat daripada pelbagai sumber seperti buku teks, buku ilmiah, akhbar, majalah, risalah, internet dan lain-lain.*
- II. *Pada hari peperiksaan, calon dibenarkan membawa masuk buku teks, buku ilmiah dan bahan bercetak yang berkaitan ke dalam bilik peperiksaan.*
- III. *Bahan tersebut boleh digunakan sebagai rujukan untuk menjawab soalan*

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Tema 7	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
	1	5	
	2	10	
	3 (i)	10	
	3 (ii)	15	
	4 (i)	10	
	4 (ii)	15	
	5	10	
	6	10	
	7	10	
	8	5	
JUMLAH		100	

TEMA UMUM (T5B7)

Perlembagaan adalah undang-undang tertinggi negara dan setiap Raja yang bersemayam juga diamanahkan beberapa kedudukan dan peranan yang membolehkan baginda bertindak menurut budi bicara berdasarkan Perlembagaan.

Sumber : Berita Harian, Isnin 10 April 2017

Merujuk Tema 7: Huraian Sukatan Pelajaran dan buku teks Sejarah Tingkatan 5 Bab 7

TUGASAN SPESIFIK

Perlembagaan adalah undang-undang tertinggi negara dan setiap Raja yang bersemayam juga diamanahkan beberapa kedudukan dan peranan yang membolehkan baginda bertindak menurut budi bicara berdasarkan Perlembagaan.

Sumber : Berita Harian, Isnin 10 April 2017

Berdasarkan pernyataan tersebut, anda dikehendaki menjawab soalan / tugas berikut

Aspek	Soalan / Tugasan	Markah
Pengenalan	1. Jelaskan tentang perlembagaan	5 markah
Isi dan Huraian	2. Keluhuran perlembagaan bermaksud perlembagaan adalah sesuatu yang luhur. Mengapakah perlembagaan dianggap luhur ?	10 markah
	3. Sejak tahun 1957, Perlembagaan Malaysia telah dipinda beberapa kali. (i) Mengapakah pindaan tersebut dilakukan ? (ii) Bagaimanakah proses pindaan perlembagaan dilaksanakan ?	10 markah 15 markah
	4. Malaysia mengamalkan sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan. Jelaskan : (i) Maksud Raja Berperlembagaan. (ii) Bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong mengikut perlembagaan.	10 markah 15 markah
	5. Sistem Raja Berperlembagaan merupakan kesinambungan sistem pemerintahan beraja sebelum kedatangan penjajah Barat. Jelaskan pernyataan tersebut.	10 markah
	6. Perlembagaan Malaysia berdasarkan dokumen Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan Perlembagaan Kemerdekaan 1957. Sumber : <i>pmr.penerangan.gov.my</i> Mengapakah kandungan dokumen tersebut menjadi asas Perlembagaan Malaysia ?	10 markah
	7. Huraikan iktibar yang diperoleh daripada kajian anda terhadap Perlembagaan Malaysia.	10 markah
Kesimpulan	8. Buat rumusan tentang sistem pemerintahan beraja di Malaysia	5 markah

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT